

30 JUL 1997

Mahathir-LID

BUAT PERNILAIAN RISIKO SENDIRI TERHADAP NEGARA-NEGARA, KATA PM

Oleh: Jamaluddin Muhammad

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan pelabur-pelabur supaya tidak hanya bergantung kepada penilaian risiko terhadap negara-negara yang dibuat oleh penganalisa antarabangsa kerana ia tidak tepat.

Semasa bercakap pada persidangan berita bersama ketua-ketua negara dan kerajaan di akhir Dialog Antarabangsa Langkawi (LID '97) Ketiga, Perdana Menteri berkata, di sebaliknya mereka harus membuat penilaian sendiri terhadap risiko dan memutuskan sendiri mengenai persekitaran pelaburan di negara itu.

Beliau memberi contoh bagaimana mereka yang menganggap diri sebagai penganalisa risiko antarabangsa menilai Malaysia sebagai tempat yang tidak selamat bagi pelabur sedangkan negara menikmati pertumbuhan pelaburan asing di luar jangkauan.

Telah dibuktikan Malaysia menarik minat pelabur dan peniaga yang telah membuat sendiri penilaian risiko sebelum datang ke Malaysia, kata beliau.

Presiden Zimbabwe Dr Robert Mugabe berkata, negara-negara Selatan Afrika lebih stabil daripada apa yang dikatakan.

Dalam menggulung dialog tiga hari itu, Dr Mahathir menyifatkannya sebagai berjaya dengan LID'97 menunjukkan jalan bagi perkongsian pintar yang mana semua rakan akan mendapat keuntungan.

Oleh kerana kebanyakan peserta adalah ketua-ketua kerajaan dan korporat, mereka akan dapat menggunakan idea-idea yang dibentangkan di Langkawi dalam usahasama dan kerjsama mereka, sama ada antara kerajaan dan kerajaan ataupun antara kerajaan dan sektor swasta.

"Sebagai contoh, syarikat-syarikat perlu menghargai usaha kerajaan membenarkan mereka melabur di negara itu dan syarikat perlu menyumbangkan kepada pembangunan negara itu dan bukan hanya mahukan keuntungan sahaja ...ini perkongsian pintar," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata, banyak kerajaan barat dijemput tetapi mereka tidak dapat berbuat apa-apa," mungkin mereka sibuk tetapi banyak syarikat dari negara-negara maju menyumbangkan kepada LID."

Ditanya sama ada negara-negara Barat perlahan dalam memindahkan teknologi ke negara-negara membangun, beliau berkata "Saya berpendapat ia bukan hanya negara-negara Barat, tetapi juga negara-negara Timur yang maju".

Beliau berkata, jika negara-negara maju membantu negara-negara membangun untuk makmur, mereka juga akan terus makmur kerana akan memasuki pasaran baru dan tiada negara akan memindahkan teknologi untuk percuma.

Ditanya sama ada LID akan berehat bagi tahun depan, Dr Mahathir berkata ia belum diputuskan.

Malaysia masih belum membuat keputusan untuk menganjurkannya secara sendiri atau bersama Jordan pada 1999 memandangkan negara itu telah menunjukkan minat untuk menganjurkan dialog yang lebih kurang sama pada tahun itu. -- BERNAMA

JM MR PR